

## **D.R. 37/2010**

### **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 2010**

---

#### **SUSUNAN FASAL**

---

##### **BAB I**

Fasal

1. Tajuk ringkas
2. Pindaan Akta

##### **BAB II**

###### **PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

3. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967
4. Pindaan seksyen 2
5. Pemotongan seksyen 6C
6. Pindaan seksyen 16
7. Pindaan seksyen 34
8. Pindaan seksyen 34C
9. Pindaan seksyen 39
10. Pindaan seksyen 46
11. Pindaan seksyen 49
12. Pindaan seksyen 50
13. Pindaan seksyen 60F
14. Pindaan seksyen 60H
15. Pindaan seksyen 63B
16. Pindaan seksyen 65
17. Pindaan seksyen 74
18. Pindaan seksyen 104
19. Pindaan seksyen 107C
20. Pindaan seksyen 111
21. Pindaan seksyen 132
22. Seksyen baru 132A

Fasal

23. Pindaan seksyen 154
24. Pindaan Jadual 6
25. Pindaan Jadual 7A

### BAB III

#### PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

26. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949
27. Pindaan seksyen 8
28. Pindaan Jadual Pertama
29. Pindaan Jadual Kelima

### BAB IV

#### PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

30. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967
31. Pindaan seksyen 16
32. Pindaan seksyen 50

### BAB V

#### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

33. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976
34. Pindaan seksyen 14
35. Pindaan seksyen 24
36. Pindaan kepada Jadual 2

### BAB VI

#### PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2007

37. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Kewangan 2007
38. Pindaan seksyen 48
39. Pindaan seksyen 49

BAB VII

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2009

40. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Kewangan 2009
41. Pindaan seksyen 48
42. Pindaan seksyen 49



# RANG UNDANG-UNDANG

## *b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Kewangan 2007 dan Akta Kewangan 2009.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### BAB I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (No. 2) 2010.

#### **Pindaan Akta**

2. Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*], Akta Kewangan 2007 [*Akta 683*] dan Akta Kewangan 2009 [*Akta 693*] dipinda mengikut cara yang dinyatakan masing-masing dalam Bab II, III, IV, V, VI dan VII.

## BAB II

## PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

**Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967**

3. (1) Subperenggan 4(a)(ii), (iii) dan (iv) dan perenggan 4(b) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 Februari 2010.

(2) Seksyen 5, 6, 8, perenggan 9(a), seksyen 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 24 dan 25 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(3) Seksyen 7 disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2010.

(4) Perenggan 9(b), (c) dan (d) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2011 bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(5) Subperenggan 4(a)(i), seksyen 17, 18, 20, 21, 22 dan 23 mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

(6) Seksyen 19 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

**Pindaan seksyen 2**

4. Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam takrif “foreign tax” dengan memasukkan selepas perkataan “Malaysia” perkataan “and in relation to paragraph 132(4)(d) or section 132A includes other taxes of every kind imposed by or under the laws of that territory”;

(ii) dengan memasukkan selepas takrif “Inland Revenue Board of Malaysia” takrif yang berikut:

“Labuan business activity” has the meaning assigned to it in the Labuan Business Activity Tax Act 1990 [*Act 445*];

“Labuan company” means a Labuan company incorporated under the Labuan Companies Act 1990 [Act 441] and includes a foreign Labuan company registered under that Act, Labuan limited partnership established and registered under the Labuan Limited Partnerships and Limited Liability Partnerships Act 2010 [Act 707], Labuan trust as defined in the Labuan Trusts Act 1996 [Act 554] and a Malaysian bank as defined in the Labuan Financial Services and Securities Act 2010 [Act 704];’;

(iii) dengan memotong takrif “offshore business activity”; dan

(iv) dengan memotong takrif “offshore company”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (9) subseksyen yang berikut:

‘(10) Any reference in this Act to—

(a) “Labuan Offshore Business Activity Tax Act 1990” is construed as reference to “Labuan Business Activity Tax Act 1990”;

(b) “Labuan Offshore Financial Services Authority” is construed as reference to “Labuan Financial Services Authority”;

(c) “offshore business activity” is construed as reference to “Labuan business activity”;

(d) “Offshore Companies Act 1990” is construed as reference to “Labuan Companies Act 1990”; and

(e) “offshore company” is construed as reference to “Labuan company”.’.

### **Pemotongan seksyen 6c**

**5.** Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 6c.

**Pindaan seksyen 16**

6. Seksyen 16 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “his widow” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “that person’s widow or widower”.

**Pindaan seksyen 34**

7. Seksyen 34 Akta ibu dipinda dalam perenggan 34(6)(k) dengan menggantikan perkataan “Ministry of Culture, Arts and Heritage” dengan perkataan “Ministry of Information, Communication and Culture”.

**Pindaan seksyen 34c**

8. Seksyen 34c Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subsekyen (1) subsekyen yang berikut:

“(1A) For the purpose of subsection (1), where by reason of an insufficiency or absence of gross income of a company from a source consisting of discount or premium for the basis period for a year of assessment, effect cannot be given or cannot be given in full to any amount of discount falling to be deducted to that company for that basis period in relation to that source, that amount which has not been so deducted shall be allowed as a deduction in arriving at the adjusted income of that company from any source or sources consisting of a business for that basis period:

Provided that the proceeds from the issuance of the bond that relates to that amount are utilized wholly by that company for the production of gross income from any source or sources consisting of that business.

(1B) This section shall not apply if in the basis period for a year of assessment the bond issued or subscribed forms part of the stock in trade of a business of a company.”; dan



- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “subsection (1)” perkataan “or (1A)”.

### **Pindaan seksyen 39**

#### **9. Subseksyen 39(1) Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (d), dengan memasukkan selepas perkataan “widows” perkataan “, widowers”;
- (b) dalam perenggan (f), dengan menggantikan proviso dengan proviso yang berikut:

“Provided that—

- (i) this paragraph shall not apply if the payer has paid the amount referred to in subsection (2) of that section; and
- (ii) where such tax is deducted or such amount is paid after the due date for the furnishing of a return for a year of assessment that relates to such payment, the tax or amount so paid shall not prejudice the imposition of penalty under subsection 113(2) if a deduction on such payment is made in such return or is claimed in the information given to the Director General in arriving at the adjusted income of the payer;”;

- (c) dalam perenggan (i), dengan menggantikan proviso dengan proviso yang berikut:

“Provided that—

- (i) this paragraph shall not apply if the payer has paid the amount referred to in subsection (2) of that section; and
- (ii) where such tax is deducted or such amount is paid after the due date for the furnishing of a return for a year of assessment that relates to such payment, the tax or amount so paid shall not prejudice the imposition of penalty under subsection 113(2) if a deduction

on such payment is made in such return or is claimed in the information given to the Director General in arriving at the adjusted income of the payer;”;

(d) dalam perenggan (j), dengan menggantikan proviso dengan proviso yang berikut:

“Provided that—

- (i) this paragraph shall not apply if the payer has paid the amount referred to in subsection (2) of that section; and
- (ii) where such tax is deducted or such amount is paid after the due date for the furnishing of a return for a year of assessment that relates to such payment, the tax or amount so paid shall not prejudice the imposition of penalty under subsection 113(2) if a deduction on such payment is made in such return or is claimed in the information given to the Director General in arriving at the adjusted income of the payer;”.

## **Pindaan seksyen 46**

**10.** Seksyen 46 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (1)(c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) an amount limited to a maximum of five thousand ringgit in respect of medical treatment, special needs or carer expenses expended in that basis year by that individual for his parents and the claim is evidenced by certification of a medical practitioner that the medical conditions of the parents require medical treatment or special needs or carer and—

- (i) in the case of medical treatment or special needs, a receipt on the amount expended; or
- (ii) in the case of carer, a written certification or receipt from, or work permit of, the carer:

Provided that for the purpose of this paragraph, “carer” shall not include that individual, his wife or her husband or the child of that individual;”.

**Pindaan seksyen 49**

**11.** Seksyen 49 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(a), dengan memotong perkataan “other than an insurance policy to which subsection (1c) applies”;
- (b) dalam perenggan (1)(c), dengan memasukkan selepas perkataan “widows” perkataan “, widowers”; dan
- (c) dengan memotong subseksyen (1c).

**Pindaan seksyen 50**

**12.** Subseksyen 50(2) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “or for any insurance policy determined by the Employees Provident Fund Board referred to in subsection 49(1c),”.

**Pindaan seksyen 60F**

**13.** Subseksyen 60F(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas takrif “business of holding of an investment” takrif yang berikut:

‘ “dividend” is deemed to include income distributed by a unit trust;’.

**Pindaan seksyen 60H**

**14.** Subseksyen 60H(5) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas takrif “closed-end fund company” takrif yang berikut:

‘ “dividend” is deemed to include income distributed by a unit trust;’.

**Pindaan seksyen 63B**

**15.** Subseksyen 63B(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebelum takrif “permitted expenses” takrif yang berikut:

‘ “dividend” is deemed to include income distributed by a unit trust;’.

**Pindaan seksyen 65**

16. Perenggan 65(11)(c) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “the widow” perkataan “or widower”.

**Pindaan seksyen 74**

17. Subseksyen 74(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) the Director General is informed of the death of the individual by the executor referred to under subsection (1) in the form prescribed under this Act;”.

**Pindaan seksyen 104**

18. Subseksyen 104(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) all sums payable by him under subsection 103(1A), (3), (4), (5), (6), (7) or (8) or subsection 107B(3) or (4) or subsection 107C(9) or (10);”.

**Pindaan seksyen 107c**

19. Seksyen 107c Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (8) dengan subseksyen yang berikut:

“(8) Notwithstanding subsections (1), (3), (4), (5), (6) and (7), the Director General may direct such company, trust body or co-operative society to make payment by instalments on account of tax which is or may be payable by that company, trust body or co-operative society for a year of assessment at such times and of such amounts as the Director General may direct and such account of tax shall be deemed for the purpose of subsection (10) to be the revised estimate of tax payable by that company, trust body or co-operative society for that year of assessment:

Provided that, where the direction is made before the ninth month of the basis period for that year of assessment, that company, trust body or co-operative society may furnish a revised estimate of its tax payable for that year of assessment in accordance with subsection (7).”;

- (b) dengan memotong subseksyen (8A) dan (8B); dan
- (c) dalam subseksyen (10), dengan menggantikan perkataan “revised estimate of tax payable for that year of assessment or if no revised estimate is furnished” perkataan “revised estimate under subsection (7) or deemed revised estimate under subsection (8), whichever is later, or if no such revised estimate is furnished or there is no such deemed revised estimate”.

### **Pindaan seksyen 111**

#### **20. Seksyen 111 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1A), dengan menggantikan perkataan “subsection 77(1) section 77A” dengan perkataan “subsection 77(1) or section 77A”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Any amount of excess in respect of tax payable for a year of assessment which is to be refunded to a person under subsection (1) may be utilized by the Director General for the payment of any other amount of tax which is due and payable (including any amount of instalments which are due and payable) by that person under this Act, or under the Petroleum (Income Tax) Act 1967 or the Real Property Gains Tax Act 1976.

(4B) Where amount of excess in respect of a person is ascertained in accordance with subsection 50(4) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 or subsection 24(7A) of the Real Property Gains Tax Act 1976 such excess shall be applied for the payment of tax which is due and payable (including any amount of instalments which are due and payable) by that person under this Act.”.

**Pindaan seksyen 132****21.** Seksyen 132 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “tax under this Act” perkataan “or other taxes of every kind under any written law”; dan
- (b) dalam perenggan (4)(d), dengan memasukkan selepas perkataan “tax under this Act” perkataan “or other taxes of every kind under any written law”.

**Seksyen baru 132A****22.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 132 seksyen yang berikut:**“Tax information exchange arrangements**

132A. (1) If the Minister by statutory order declares that—

- (a) arrangements specified in the order have been made by the Government with the government of any territory outside Malaysia with a view to the exchange of information foreseeably relevant to the administration or assessment or collection or enforcement of the taxes under this Act or other taxes of every kind under any written law and any foreign tax of that territory; and
- (b) it is expedient that those arrangements should have effect,

then, so long as the order remains in force, notwithstanding anything in any written law, those arrangements shall have effect in relation to tax under this Act or other taxes of every kind under any written law.

(2) No arrangement under this section can be made if the order in respect of an arrangement under section 132 is in force.

(3) Where any arrangements have effect by virtue of this section, section 138 shall not prevent the disclosure to a duly

authorized servant or agent of the government with which the arrangements have been made of such information as is required to be disclosed under the arrangements.

(4) Any order made under this section shall be laid before the Dewan Rakyat.”.

### **Pindaan seksyen 154**

**23.** Seksyen 154 Akta ibu dipinda dalam perenggan (1)(c) dengan memasukkan selepas perkataan “section 132” perkataan “or 132A”.

### **Pindaan Jadual 6**

**24.** Jadual 6 Akta ibu dipinda dalam perenggan 16—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “widows’ ” perkataan “, widowers’ ”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “widow,” perkataan “ widower,”.

### **Pindaan Jadual 7A**

**25.** Jadual 7A Akta ibu dipinda dalam subperenggan 7(a) dengan menggantikan perkataan “the period” dengan perkataan “the basis period”.

## **BAB III**

### **PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949**

#### **Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949**

**26.** Bab ini berkuat kuasa apabila mula berkuat kuasanya Akta ini kecuali seksyen 28 yang disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 Februari 2010.

**Pindaan seksyen 8**

27. Akta Setem 1949, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam subseksyen 8(1) dengan memasukkan selepas perkataan “postal franking machine” perkataan “or digital franking machine”.

**Pindaan Jadual Pertama**

28. Perenggan 6 di bawah “GENERAL EXEMPTIONS” dalam Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Labuan Offshore Financial Services Authority” dengan perkataan “Labuan Financial Services Authority”.

**Pindaan Jadual Kelima**

29. Jadual Kelima Akta ibu dipinda—

- (a) pada tajuk Jadual itu, dengan memasukkan selepas perkataan “postal franking machine” perkataan “or digital franking machine”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas butiran 9 butiran yang berikut:
  - “10. Letter of indemnity.
  - 11. Letter of guarantee.
  - 12. Letter of allotment.
  - 13. Education loan agreement.
  - 14. Articles of Association of a company.
  - 15. Memorandum of Association of a company.
  - 16. Any other agreement approved by the Collector.”.

**BAB IV****PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN)**

1967

**Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967**

30. (1) Seksyen 31 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 9 April 2009.



(2) Seksyen 32 mula berkuat kuasa apabila mula berkuat kuasanya Akta ini.

### **Pindaan seksyen 16**

**31.** Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam subseksyen 16(7E) dengan menggantikan perkataan “Ministry of Tourism” dengan perkataan “Ministry of Information, Communication and Culture”.

### **Pindaan seksyen 50**

**32.** Seksyen 50 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Any amount of excess in respect of tax payable for a year of assessment which is to be refunded to a person under subsection (1) may be utilized by the Director General for the payment of any other amount of tax which is due and payable (including any amount of instalments which are due and payable) by that person under this Act, or under the Income Tax Act 1967 or the Real Property Gains Tax Act 1976.

(5) Where amount of excess in respect of a person is ascertained in accordance with subsection 111(4A) of the Income Tax Act 1967 or subsection 24(7A) of the Real Property Gains Tax Act 1976 such excess shall be applied for the payment of tax which is due and payable (including any amount of instalments which are due and payable) by that person under this Act.”.

## **BAB V**

### **PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976**

### **Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976**

**33.** (1) Seksyen 34 dan 35 mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

(2) Seksyen 36 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

#### **Pindaan seksyen 14**

**34.** Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang dirujuk sebagai “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam subseksyen 14(4) dengan menggantikan proviso dengan proviso yang berikut:

“Dengan syarat bahawa tiada taksiran boleh dibuat lebih daripada tiga tahun selepas berakhir tahun taksiran yang dalamnya Ketua Pengarah dimaklumkan secara bertulis oleh pentadbir mengenai kematian orang yang boleh dikenakan cukai itu dalam borang yang ditetapkan di bawah Akta.”.

#### **Pindaan seksyen 24**

**35.** Seksyen 24 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (7) subseksyen yang berikut:

“(7A) Apa-apa jumlah lebih berkenaan dengan cukai yang kena dibayar bagi suatu tahun taksiran yang hendaklah dibayar balik kepada seseorang di bawah subseksyen (1) boleh digunakan oleh Ketua Pengarah bagi bayaran apa-apa amaun cukai yang lain yang genap masa dan kena dibayar (termasuk apa-apa amaun ansuran yang genap masa dan kena dibayar) oleh orang itu di bawah Akta ini, atau di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

(7B) Jika amaun lebih yang berkenaan dengan seseorang ditentukan menurut subseksyen 111(4A) Akta Cukai Pendapatan 1967 atau subseksyen 50(4) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 lebih itu hendaklah digunakan bagi pembayaran cukai yang genap masa dan kena dibayar (termasuk apa-apa amaun ansuran yang genap masa dan kena dibayar) oleh orang itu di bawah Akta ini.”.

#### **Pindaan Jadual 2**

**36.** Jadual 2 Akta ibu dipinda dalam subperenggan 16(a) dengan memasukkan selepas perkataan “Kerajaan” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau suatu Kerajaan Negeri”.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2007

**Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Kewangan 2007**

37. Bab ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 dan berkuat kuasa bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

**Pindaan seksyen 48**

38. Akta Kewangan 2007, yang disebut sebagai “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 48 dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Apa-apa hutang yang genap masa di bawah seksyen ini hendaklah boleh dituntut seolah-olah ianya adalah cukai yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta ibu.”.

**Pindaan seksyen 49**

39. Seksyen 49 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Apa-apa hutang yang genap masa di bawah seksyen ini hendaklah boleh dituntut seolah-olah ianya adalah cukai yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta ibu.”.

BAB VII

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2009

**Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Kewangan 2009**

40. Bab ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 9 Januari 2009.

**Pindaan seksyen 48**

**41.** Akta Kewangan 2009, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 48 dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Apa-apa hutang yang genap masa di bawah seksyen ini hendaklah boleh dituntut seolah-olah ianya adalah cukai yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta ibu.”.

**Pindaan seksyen 49**

**42.** Seksyen 49 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Apa-apa hutang yang genap masa di bawah seksyen ini hendaklah boleh dituntut seolah-olah ianya adalah cukai yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta ibu.”.

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”), Akta Kewangan 2007 (“Akta 683”) dan Akta Kewangan 2009 (“Akta 693”).

1. *Fasal* 4 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 53 berhubung dengan takrif “foreign tax” untuk mengadakan peruntukan bahawa bagi maksud perkiraan pengelakan cukai dua kali dan perkiraan pertukaran maklumat percukaian, maksud “foreign tax” diperluaskan kepada tiap-tiap jenis cukai di bawah undang-undang suatu wilayah di luar Malaysia.

Pindaan ini berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

*Fasal* ini selanjutnya bertujuan untuk memasukkan takrif baru “Labuan business activity” ke dalam Akta 53 berbangkit daripada pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*] dan takrif “Labuan company” bagi meliputi hanya syarikat Labuan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*], dan termasuk suatu syarikat asing Labuan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990, perkongsian Labuan, amanah Labuan dan bank Malaysia seperti ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*] bagi maksud Akta 53.

*Fasal* ini bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 2(10) dalam Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa apa-apa sebutan kepada “Labuan Offshore Business Activity Tax Act 1990”, “Labuan Offshore Financial Services Authority”, “offshore business activity”, “Offshore Companies Act 1990” dan “offshore company” hendaklah masing-masingnya ditafsirkan sebagai “Labuan Business Activity Tax Act 1990”, “Labuan Financial Services Authority”, “Labuan business activity”, “Labuan Companies Act 1990” dan “Labuan company” berbangkit daripada pindaan kepada Akta-Akta tersebut.

Pindaan ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai 11 Februari 2010.

2. *Fasal 5* bertujuan untuk memotong seksyen 6c Akta 53. Sebelum pindaan ini, seseorang individu layak untuk menuntut rebat atas fi yang dibayar kepada Kerajaan berhubung dengan pengeluaran Pas Penggajian, Pas Lawatan atau Pas Kerja. Oleh kerana tanggungjawab bagi membayar fi itu kini ditanggung oleh majikan rebat itu tidak lagi terpakai kepada individu itu.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

3. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana pencen atau pembayaran berkala yang lain yang diterima oleh duda pekerja yang mati disifatkan sebagai punca pendapatan duda itu. Pindaan berbangkit juga dibuat pada perenggan 39(1)(d) dalam *fasal 9*.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

4. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda perenggan 34(6)(k) Akta 53 berbangkit daripada pertukaran nama Kementerian yang bertanggungjawab bagi kelulusan aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan.

Pindaan ini disifatkan berkuat kuasa pada 9 April 2009.

5. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 34c Akta 53. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa dalam hal apabila diskaun daripada penerbitan bon dilakukan sebagai perbelanjaan kepada suatu syarikat dan perbelanjaan itu tidak dapat diberi sepenuhnya kepada punca diskaun itu, perbelanjaan itu boleh ditolak daripada pendapatan kasar syarikat itu daripada mana-mana punca perniagaan. Walau bagaimanapun, hasil daripada penerbitan bon itu hendaklah digunakan sepenuhnya bagi menghasilkan pendapatan kasar daripada mana-mana punca perniagaan dan bon itu bukan stok perniagaan syarikat itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

6. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda perenggan 39(1)(f), (i) dan (j) Akta 53. Dengan pindaan ini, dalam hal apabila pembayar gagal untuk memotong dan meremit cukai menurut seksyen 107A, 109, 109B atau 109F Akta tetapi telah membuat tuntutan untuk potongan ke atas bayaran itu yang tertakluk kepada cukai yang dinyatakan di dalam borang nyata, Ketua Pengarah boleh

mengenakan penalti di bawah subsekyen 113(2) Akta walaupun cukai pegangan itu berserta dengan kenaikan bagi kegagalan untuk meremitkan bayaran itu kemudiannya dibayar kepada Ketua Pengarah.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2011 bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(c) Akta 53. Pindaan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang individu layak untuk menuntut jumlah pengurangan maksimum lima ribu ringgit berkenaan dengan rawatan perubatan, perbelanjaan keperluan khas dan penjaga dalam tahun asas untuk ibu bapanya. Walau bagaimanapun tuntutan itu mestilah disokong oleh pengamal perubatan yang mengesahkan bahawa keadaan kesihatan ibu bapanya memerlukan rawatan perubatan atau keperluan khas atau penjaga.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

8. *Fasal 11* bertujuan untuk memotong subseksyen 49(1c) Akta 53 kerana ia tidak lagi terpakai disebabkan oleh pemansuhan polisi insurans yang ditentukan oleh Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sejak 5 Oktober 2001.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

9. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 50 Akta 53 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 49(1c) Akta.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

10. *Fasal 13, 14 dan 15* bertujuan untuk meminda seksyen 60F, 60H dan 63B Akta 53. *Fasal-fasal* ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pendapatan daripada unit amanah termasuk Amanah Pelaburan Harta Tanah hendaklah diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar sesebuah syarikat pemegang pelaburan, syarikat dana “close-end” atau unit amanah dalam menentukan perbelanjaan yang boleh dibenarkan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran menurut formula dalam seksyen itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

11. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda perenggan 74(3)(a) Akta 53. Dengan pindaan ini, Ketua Pengarah boleh membuat taksiran atau taksiran tambahan atas pentadbir tidak lebih daripada tiga tahun selepas akhir tahun taksiran berikutan tahun taksiran dalam tahun asas yang dalamnya Ketua Pengarah dimaklumkan oleh pentadbir tentang kematian seseorang individu.

Pindaan ini berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

12. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda perenggan 104(1)(b) Akta 53 untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan sijil bagi menghalang

seseorang daripada meninggalkan Malaysia jika dia gagal untuk membayar kenaikan yang dikenakan di bawah subseksyen 107B(3) dan 107C(9) Akta.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

13. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda subseksyen 107C(8) Akta 53. Dengan pindaan ini, Ketua Pengarah diberi kuasa untuk mengarahkan sesebuah syarikat, badan amanah atau pertubuhan koperasi untuk membuat bayaran secara ansuran bagi suatu tahun taksiran berkenaan cukai yang kena atau boleh dibayar oleh syarikat, badan amanah atau pertubuhan koperasi. Arahan Ketua Pengarah adalah disifatkan anggaran cukai tersemak syarikat itu, badan amanah atau pertubuhan koperasi bagi maksud menentukan lebihan tiga puluh peratus antara anggaran cukai tersemak yang disifatkan yang kena dibayar itu dan cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

14. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (4A) dan (4B) dalam seksyen 111 Akta 53. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah diberi kuasa untuk menggunakan apa-apa jumlah lebihan daripada cukai yang dibayar oleh seseorang dibawah Akta 53, untuk membayar apa-apa jumlah cukai genap masa dan kena dibayar di bawah Akta itu, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 atau Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan apa-apa amaun lebihan di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 atau Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 digunakan untuk membayar apa-apa jumlah cukai yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

15. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda subseksyen 132(1) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa perkiraan di bawah seksyen 132 termasuk peruntukan berkaitan dengan jenis cukai lain selain cukai di bawah Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

16. *Fasal 22* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 132A ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, Kerajaan Malaysia boleh memasuki perkiraan dengan kerajaan lain di luar Malaysia bagi maksud pertukaran maklumat. Walau bagaimanapun, perkiraan ini hanya boleh dibuat sekiranya tiada perintah di bawah seksyen 132 yang berkuat kuasa.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

17. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda perenggan 154(1)(c) Akta 53 berbangkit daripada kemasukan peruntukan seksyen baru 132A yang dicadangkan ke dalam Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

18. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda perenggan 16 Jadual 6 kepada Akta 53 bagi mengadakan peruntukan bahawa pengecualian di bawah perenggan itu dipanjangkan kepada duda.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

19. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda subperenggan 7(a) Jadual 7A kepada Akta 53 bagi memperuntukkan bahawa suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau perakuan perintis di bawah Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 dalam suatu tempoh asas adalah tidak layak untuk mendapat elaun pelaburan semula dalam tempoh tersebut.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

#### PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

20. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 378. Dengan pindaan ini, suatu lagi kaedah bayaran melalui franking digital atas mana-mana surat cara yang tersenarai di dalam Jadual Kelima kepada Akta disediakan kepada pembayar duti.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

21. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama Akta 378 berbangkit daripada pindaan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 11 Februari 2010.

22. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda Jadual Kelima Akta 378 untuk memasukkan instrumen baru yang duti kena dibayar melalui kaedah mesin franking pos atau mesin franking digital.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

#### PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

23. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda subseksyen 16(7E) Akta 543 berbangkit daripada penukaran nama Kementerian yang bertanggungjawab bagi kelulusan aktiviti kesenian atau kebudayaan.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 9 April 2009.

24. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 50 dengan memasukkan subseksyen baru (4) dan (5) dalam Akta 543. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah diberi kuasa untuk menggunakan apa-apa jumlah lebihan cukai daripada cukai yang dibayar oleh seseorang di bawah Akta untuk membayar apa-apa jumlah cukai yang genap



masa dan kena dibayar di bawah Akta itu, Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan apa-apa amaun lebihan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Akta Keuntungan Harta Tanah 1976 untuk digunakan bagi membayar apa-apa jumlah cukai yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta 543.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

25. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 169. Dengan pindaan ini, Ketua Pengarah boleh membuat taksiran atau taksiran tambahan atas pentadbir tidak lebih daripada tiga tahun selepas akhir tahun taksiran berikutan tahun taksiran dalam tahun asas yang dalamnya Ketua Pengarah dimaklumkan oleh pentadbir tentang kematian seseorang individu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

26. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 169 dengan memasukkan subseksyen baru (7A) ke dalam Akta. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah diberi kuasa untuk menggunakan apa-apa jumlah lebihan cukai yang dibayar oleh seseorang di bawah Akta itu untuk membayar apa-apa jumlah cukai yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta itu, Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan apa-apa amaun lebihan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 digunakan untuk membayar apa-apa jumlah cukai yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta 169.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

27. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda subperenggan 16(a) Jadual 2 Akta 169. Pada masa ini, perenggan 16 memperuntukkan bagi penentuan tarikh pemerolehan atau pelupusan berkenaan dengan kontrak bersyarat bagi pelupusan suatu aset. Dalam hal apabila pelupusan memerlukan kelulusan daripada Kerajaan, tarikh pelupusan adalah tarikh kelulusan itu. Pindaan ini bertujuan untuk meluaskan peruntukan itu kepada Kerajaan Negeri.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2007

28. *Fasal 38* dan *39* bertujuan untuk memperkenalkan subseksyen baru 48(4) dan 49(4) ke dalam Akta 683 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana hutang di bawah seksyen 48 dan 49 Akta 683 hendaklah disifatkan sebagai cukai yang genap masa dan kena dibayar bagi tujuan tuntutan di bawah Akta 53.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan berkuat kuasa bagi tahun-tahun taksiran berikutnya.

## PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2009

29. *Fasal 41 dan 42* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 48(5) dan 49(5) ke dalam Akta 693 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana hutang di bawah seksyen 48 dan 49 Akta 693 hendaklah disifatkan sebagai cukai yang genap masa dan kena dibayar bagi tujuan tuntutan di bawah Akta 53.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 9 Januari 2009.

AM

30. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2771]